- 1.11 "Penyata" hendaklah bermaksud penyata akaun Simpanan atau Semasa atas nama Ahli Kad yang dihantar sebulan sekali kepada Ahli Kad.
- 1.12 "Had Perbelanjaan Harian" hendaklah bermaksud had maksima harian yang boleh didebitkan dari akaun Ahli Kad.

- 1.13 "MasterCard International" hendaklah bermaksud MasterCard International Incorporated, perbadanan keahlian yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri Delaware, Amerika Syarikat dan berpejabat serta mempunyai tempat perniagaan utama di 888 Eleventh Avenue, NewYork 10106, Amerika Syarikat.
- 1.14 Perkataan-perkataan yang menunjukkan nombor tunggal meliputi nombor jamak dan begitu juga sebaliknya.
- 1.15 Perkataan-perkataan yang menunjukkan jantina maskulin meliputi feminin.

2. PENERIMAAN KAD

- 2.1 Penggunaan Kad dihadkan kepada orang yang mana Kad dikeluarkan kepadanya ("Ahli Kad") yang akan menandatangani Kad dengan serta-merta sebaik sahaja menerima Kad tersebut dan memaklumkan penerimaan Kad kepada pihak Bank.
- 2.2 Pihak Bank akan mengeluarkan PIN untuk Kad tersebut kepada Ahli Kad bagi tujuan menguatkuasakan transaksi ATM.
- 2.3 Ahli Kad hendaklah tidak mendedahkan PIN kepada orang lain dan akan bertanggungjawab kepada pihak Bank di atas sebarang kemasukan debit ke dalam Akaun Kadnya dengan pihak Bank akibat daripada sebarang transaksi tanpa kebenaran.
- 2.4 Ahli Kad hendaklah memulangkan Kad yang dipotong dua dengan serta-merta kepada pihak Bank sekiranya Ahli Kad tidak berhasrat untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini. Yuran tahunan dan cukai perkhidmatan atau sebahagian daripadanya tidak akan dikembalikan kepada Ahli Kad.

3. KEMUDAHAN KAD

- 3.1 Kad tersebut dikeluarkan bagi tujuan penggunaan yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak pihak Bank yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yang perkara berikut:
 - 3.1.1 Pembayaran untuk sebarang pembelian barang-barang dan/atau perkhidmatan, yang mana pembayaran tersebut boleh dicajkan ke akaun Ahli Kad.
 - 3.1.2 Sebarang transaksi ATM yang dikuatkuasakan melalui akaun Ahli Kad yang lain.
 - 3.1.3 Kemudahan-kemudahan yang lain, tertakluk pada praperjanjian dengan pihak Bank, jika berkenaan.

4. PENGGUNAAN KAD

- 4.1 Ahli Kad hendaklah menandatangani Resit Transaksi yang disediakan oleh Saudagar yang Sah untuk menguatkuasakan sesuatu pembelian menggunakan Kad tersebut.
- 4.2 Ahli Kad dikehendaki menggunakan PIN untuk mendapat akses kepada Akaun Kadnya bagi menguatkuasakan Pengeluaran Wang Tunai melalui ATM. Dokumen yang direkodkan akibat pengaktifan PIN Ahli Kad bagi tujuan memperoleh

Pengeluaran Wang Tunai dari ATM akan dianggap oleh pihak Bank sebagai satu Transaksi Kad yang ditanggung

- 4.3 Amaun bagi setiap pengeluaran hendaklah dihadkan kepada Akaun Kad/Had perbelanjaan Harian.

5. ARAHAN-ARAHAN TELEKOMUNIKASI

- 5.1 Pihak Bank mengikut budi bicaranya boleh menerima arahan daripada Ahli Kad melalui telefon untuk menguatkuasakan mana-mana transaksi berkaitan dengan Kad termasuk tetapi tidak terbatas kepada pemindahan yang melibatkan pengeluaran atau deposit wang.
- 5.2 Pihak Bank akan menentusahkan identiti Ahli Kad dan kata laluan melalui proses sekuriti yang dilaksanakan oleh pihak Bank (yang boleh ditukar dari semasa ke semasa).
- 5.3 Ahli Kad dikehendaki menyimpan PIN dan kata laluan dan tidak mendedahkannya kepada sesiapa pun.
- 5.4 Pihak Bank berhak tetapi tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap Ahli Kad bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung akibat daripada mematuhi atau tidak mematuhi arahan-arahan yang demikian.
- 5.5 Ahli Kad hendaklah mengakui perkara yang berikut bahawasanya:
 - 5.5.1 Pihak Bank boleh merekod semua perbualan telefon di antara Ahli Kad dengan wakil pihak Bank bagi tujuan pengawasan dan penilaian untuk mengelakkan timbulnya sebarang kekeliruan;
 - 5.5.2 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya perbualan tersebut terdengar oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan.
- 5.6 Pemberian kuasa dan Ganti Rugi untuk Arahan Telefon, Telefon Bimbit, Teleks dan Faksimile.
 - 5.6.1 Ahli Kad memberi kuasa kepada pihak Bank untuk bergantung pada dan bertindak selaras dengan sebarang notis, arahan tuntutan atau komunikasi lain yang mungkin diberi melalui telefon, transaksi teleks atau faksimile oleh Ahli Kad atau bagi pihaknya ("Arahan") dan pihak Bank berhak untuk menganggap Arahan tersebut sebagai pemberian kuasa penuh oleh Ahli Kad dan pihak Bank berhak mengambil apa-apa langkah menurut Arahan yang diberi yang pihak Bank anggap sesuai.
 - 5.6.2 Perkhidmatan pertanyaan baki telefon bimbit:
 - 5.6.2.1 Ahli Kad memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menghantar kepada telefon bimbit Ahli Kad sebagaimana yang didaftarkan oleh Ahli Kad dalam permohonan kad debit jika berkenaan, melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) berkaitan dengan Akaun Kad Ahli Kad dengan pihak Bank.
 - 5.6.2.2 Atas pertimbangan tindakan pihak Bank selaras dengan terma pemberian kuasa ini, Ahli Kad dengan ini tidak boleh membatalkan akujanji untuk melindungi pihak Bank daripada kerugian dan melindungi pihak Bank daripada semua kerugian,

tuntutan, tindakan, prosiding, ganti rugi, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang ditanggung atau dialami oleh pihak Bank akibat daripada sebarang jenis keadaan atau punca atau berkaitan dengan pemberian kuasa ini kecuali jika perkara sedemikian timbul secara langsung daripada salah laku pihak Bank sama ada secara sengaja dan/atau kecuaiannya.

- 5.6.2.3 Terma pemberian kuasa dan perlindungan terhadap ganti rugi akan dilaksanakan dan berkuat kuasa kecuali dan sehingga pegawai Bank yang diberi kuasa menerima notis bertulis pembatalan daripada Ahli Kad.

6. TANGGUNGJAWAB

- 6.1 Kad tersebut akan kekal sebagai harta pihak Bank pada setiap masa dan digunakan oleh Ahli Kad.
- 6.2 Sekiranya Kad tersebut hilang dan/atau dicuri dan/atau PIN telah terdedah kepada sesiapa yang tidak mempunyai kuasa, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta memberitahu pihak Bank melalui telefon, telegram, telex, faksimile ataupun pemberitahuan secara bertulis yang disertai dengan laporan polis.
- 6.3 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan akibat daripada penggunaan Kad tanpa kebenaran sehingga laporan kehilangan atau kecurian telah mengenainya telah diterima oleh pihak Bank.
- 6.4 Ahli Kad hendaklah memberitahu pihak Bank sekiranya Ahli Kad tahu mengenai sebarang transaksi tanpa kebenaran/yang menimbulkan kesangsian.
- 6.5 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan akibat daripada penggunaan Kad tanpa kebenaran sekiranya siasatan pihak Bank atau pihak polis mendapati bahawa Ahli Kad terlibat di dalam pemerolehan mana-mana dagangan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan daripada saudagar ataupun sekiranya wujud penggunaan Kad oleh sesiapa jua yang tidak dibenarkan. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab di atas transaksi-transaksi tanpa kebenaran sama ada sebelum atau selepas pihak Bank menerima pemberitahuan secara bertulis tentang kehilangan atau kecurian tersebut.
- 6.6 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi Pengeluaran Wang Tunai yang dilakukan melalui ATM.
- 6.7 Di atas permintaan Ahli Kad, pihak Bank boleh tetapi tanpa mempunyai obligasi di bawah undang-undang, menggantikan Kad yang hilang atau dicuri sebaik sahaja pembayaran yuran penggantian seperti berikut dilakukan: RM15.00 untuk sebarang laporan kehilangan atau kecurian Kad.
- 6.8 Ahli Kad hendaklah memulangkan Kad yang dipotong dua kepada pihak Bank dengan serta-merta sebaik sahaja sekiranya berlaku peluputan, penggantungan (yang dituntut oleh pihak Bank) ataupun sebaik sahaja Kad ditemui selepas pemberitahuan mengenai kehilangannya dan Ahli Kad tidak mempunyai hak lanjutan untuk menggunakan Kad tersebut.
- 6.9 Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta menandatangani Kad tersebut sebaik sahaja menerima Kad dan memaklukkannya kepada pihak Bank.
- 6.10 Rekod pihak Bank mengenai sebarang transaksi yang dikuatkuasakan melalui penggunaan Kad adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad.

- 6.11 Semua transaksi yang dipertikaikan akan disiasat dan hasil siasatan akan diberitahu kepada Ahli Kad apabila tiba waktunya. Permintaan untuk bayaran balik segera walau bagaimanapun tertakluk pada budi bicara pihak Bank.
- 6.12 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dicaj kepada Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan.
- 6.13 Ahli Kad tidak dibenarkan menggunakan Kad kepunyaan ahli untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang Syariah. AFFINBANK berhak menamatkan kemudahan kad kredit tersebut dengan serta-merta jika Ahli Kad didapati telah menggunakan Kad tersebut untuk aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang Syariah dan ahli kad bertanggungjawab sepenuhnya ke atas aktiviti-aktiviti tersebut.

7. AKAUN KAD

- 7.1 Semua pembayaran untuk pembelian barang-barang atau perkhidmatan yang dikuatkuasakan melalui penggunaan Kad, yuran tahunan dan caj-caj kewangan yang lain akan didebitkan ke Akaun Kad dan dinyatakan pada penyata bulanan atau buka akaun.
- 7.2 Rekod dan kemasukan Akaun Kad yang tertera pada penyata bulanan akan dianggap betul dan mengikat Ahli Kad kecuali notis bertulis yang sebaliknya diberikan kepada pihak Bank dalam masa 14 hari dari Tarikh Penyata.
- 7.3 Pihak Bank akan melakukan penyelarasan dan pembetulan terhadap akaun Ahli Kad (sekiranya ada) sebaik sahaja menerima pemberitahuan Ahli Kad.
- 7.4 Untuk transaksi praizin seperti petrol dan penginapan hotel, amaun yang dibenarkan akan dipotong dari Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Kad dan diselaraskan selepas amaun sebenar digunakan telah dijelaskan.
- 7.5 Sekiranya baki yang ada tidak mencukupi di dalam Akaun untuk membayar sebarang Transaksi atau amaun lain yang mesti dibayar dari Akaun, termasuk sebarang faedah, yuran, caj atau bayaran lain yang mesti dibayar kepada pihak Bank, mengikut budi bicaranya mutlaknya, pihak Bank boleh (dan tanpa sebarang kewajipan untuk melakukannya) memindahkan atau mengaturkan pindahan bagi dana yang mencukupi dari mana-mana akaun yang dipegang oleh Ahli Kad dengan Bank ke Akaun tersebut.

8. YURAN DAN BAYARAN

- 8.1 Ahli Kad dengan tidak boleh dibatalkan dan tanpa syarat, bersetuju untuk membayar dan memberikan kuasa kepada pihak Bank untuk mendebitkan Akaun Kad dengan yuran-yuran dan caj-caj kewangan berikut:

menurut akan mengenakan sejumlah yuran kepada Pemegang Kad berhubung dengan setiap pengeluaran wang tunai yang dibuat menggunakan Kad yang mana bayaran dikenakan oleh Penyedia Perkhidmatan Kad Elektronik, selaras dengan jadual yuran Bank dari semasa ke semasa ia berkuat kuasa.

8.1.1 Yuran Tahunan - RM20.00

8.1.2 Yuran Pengeluaran Wang Tunai - RM7.00

8.1.3 Yuran Pertanyaan Baki - RM1.00

- 8.2 Yuran penggantian kad sebanyak RM15.00 untuk setiap kad yang dikeluarkan bagi penggantian.
- 8.3 Yuran perkhidmatan sebanyak RM10.00 berhubung dengan sebarang permintaan salinan bagi Resit Transaksi. Walau bagaimanapun, bayaran ini akan dikecualikan jika kesilapan dalam pemprosesan yang berikutnya berpunca daripada Bank.
- 8.4 Sebarang yuran dan caj kewangan lain yang dianggap sesuai yang dikenakan oleh pihak Bank untuk perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Kad.
- 8.5 Yuran Perkhidmatan, kadarnya akan ditentukan oleh pihak Bank untuk perkhidmatan, kos dan perbelanjaan yang ditanggung.
- 8.6 Yuran guaman (berdasarkan Peguam Cara dan Klien) dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh pihak Bank dalam menguatkuasakan hak-hak pihak Bank dan kelayakan dan perolehan semula wang yang dihutang oleh Ahli Kad kepada pihak Bank di bawah Akaun Kadnya.
- 8.7 Meskipun dengan peruntukan di atas, pihak Bank berhak untuk mengubah kadar dan kaedah pengiraan yuran tahunan, yuran pengendalian dan caj-caj tambahan dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

9. WANG DIKEMBALIKAN AFFIN

- 9.1 Wang Dikembalikan ke atas transaksi yang dilakukan akan dinyatakan pada penyata akaun.
- 9.2 Sah untuk sebarang perbelanjaan bulanan.
- 9.3 Wang Dikembalikan sah untuk pembelian runcit tetapi tidak termasuk petrol dan transaksi yang berkaitan dengan kerajaan.
- 9.4 Jumlah Wang Dikembalikan yang terkumpul akan dikreditkan ke dalam akaun Ahli Kad sebulan sekali pada penyata yang seterusnya.

10. KESILAPAN/PERTIKAIAN DAN PEMBERITAHUAN

- 10.1 Ahli Kad dikehendaki memeriksa rekod Akaun Kad dengan segera dan cermat.
- 10.2 Penyata Ahli Kad tidak akan dihantar sekiranya akaun tersebut tidak aktif selama setahun.
- 10.3 Ahli Kad perlu memberitahu pihak Bank Pihak mengenai sebarang kesilapan pada penyata akaun Ahli Kad atau sebarang kemungkinan transaksi (-transaksi) tanpa kebenaran berhubung dengan Kad.
- 10.4 Ahli Kad hendaklah membuat pemberitahuan sedemikian dengan segera sebaik sahaja menerima surat atau penyata kad daripada pihak Bank secara terus kepada:

AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD
Jabatan Perniagaan Kad
Peti Surat 7189,
40706 Shah Alam
Tel: 03-5522 3000 Faksimile: 03-5511 5625
E-mel: cardservices@affinbank.com.my

Atau membuat laporan dengan melengkapkan borang aduan pelanggan di mana-mana CRC yang berdekatan.

11. PENGECUALIAN LIABILITI

- 11.1 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian yang ditanggung akibat daripada kecuaiannya Ahli Kad atau Ahli Kad Tambahannya.
- 11.2 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Ahli Kad akibat daripada perbuatan atau ketinggalan mana-mana Saudagar yang Sah atau Master Card International.
- 11.3 Ahli Kad boleh mengendalikan sebarang tuntutan atau pertikaian secara terus dengan Saudagar atau MasterCard International.

12. HAK-HAK PIHAK YANG TERLIBAT

- 12.1 Pihak Bank berhak:
 - 12.1.1 Untuk menyekat atau mengehendkan perbelanjaan harian Ahli Kad atau menahan Akaun Kad (mengikut budi bicara mutlak pihak Bank dan tanpa memberi sebarang notis atau sebab).
 - 12.1.2 Untuk menyemak Akaun Kad pemohon bagi Kad tersebut dan Ahli Kad pada bila-bila masa yang pihak Bank anggap perlu tanpa merujuk kepada pemohon atau Ahli Kad.

13. TRANSAKSI SEBERANG LAUT

- 13.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia yang memaparkan logo MasterCard International.
- 13.2 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk Pengeluaran Wang Tunai melalui ATM dengan logo Master Card Cirrus yang telah ditetapkan dan hendaklah memastikan bahawa semua transaksi antara negara yang dilakukan oleh Ahli Kad melalui ATM tidak melanggar undang-undang yang wujud di negara di mana transaksi tersebut dilakukan.
- 13.3 Sekiranya Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, transaksi yang ditanggung akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia dengan menggunakan Dolar Amerika sebagai asas mata wang pada tarikh di mana butiran diterima dan pertukaran yang diproses akan ditentukan oleh MasterCard International mengikut budi bicara mutlaknya. Pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang dikuatkuasakan pada tarikh transaksi tersebut disebabkan oleh naik turun pasaran.
- 13.4 Di mana berkenaan, Ahli Kad hendaklah mematuhi Peraturan Pengawasan Pertukaran yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan dengan transaksi sebarang laut.
- 13.5 Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas pencabulan atau ketidakpatuhan terhadap peraturan-peraturan tersebut dan sebarang pindaan terhadapnya.

14. PENAMATAN

- 14.1 Bank boleh menamatkan perjanjian yang terkandung dalam terma dan syarat ini dengan memaklumkan kepada Pemegang Kad secara bertulis bagi melaksanakannya pada bila-bila masa.
- 14.2 Pemegang Kad boleh menamatkan perjanjian yang terkandung dalam terma dan syarat ini dengan memaklumkan kepada Bank secara bertulis, memotong Kad tersebut kepada dua melalui jejalur magnetik dan cip dan mengembalikan Kad tersebut kepada pihak Bank.
- 14.3 Penamatan tersebut akan berkuat kuasa, tertakluk pada peruntukan dalam perenggan berikut bagi klausa ini, sebaik sahaja pihak yang lain menerima notis yang berkenaan.
 - 14.3.1 Kegagalan Ahli Kad untuk melaksanakan dan/atau mematuhi mana-mana Terma dan Syarat di sini; atau
 - 14.3.2 Penggantungan, penamatan atau pembatalan hak Ahli Kad untuk menggunakan Kad tersebut; atau
 - 14.3.3 Ahli Kad meninggal dunia atau diisytiharkan muflis, melakukan kegiatan yang menjerus kepada kemuflian, atau di dalam kes-kes di mana Ahli Kad merupakan sebuah syarikat, sebuah petisyen untuk penggulangannya telah diserahkan atau pun sebuah resolusi untuk penggulangan sengaja telah diluluskan; atau
 - 14.3.4 Ahli Kad gagal membayar mana-mana keterhutangan yang terutang kepada pihak Bank apabila perlu dibayar; atau
 - 14.3.5 Sekiranya pada pandangan pihak Bank, kemudahan kredit Ahli Kad dengan pihak Bank (termasuk mana-mana akaun Ahli Kad yang boleh wujud dengan pihak Bank atau mana-mana institusi lain) adalah atau tidak dikendalikan dengan baik dan/atau sekiranya Ahli Kad melakukan atau mengugut untuk melakukan pengingkaran terhadap mana-mana perjanjian, atau sekuriti yang berkaitan dengan akaun-akaun lain atau kemudahan pinjaman yang diberikan oleh pihak Bank atau pihak-pihak lain kepada Ahli Kad yang mana Ahli Kad merupakan penjamin, penggadai atau penyerah hak; atau
 - 14.3.6 Sebarang arahan untuk pelaksanaan, writ penahanan, garnishmen atau mana-mana prosiding undang-undang yang dikeluarkan terhadap ahli Kad; atau
 - 14.3.7 Sekiranya sesuatu keadaan wujud atau berlaku yang mana menurut budi bicara mutlak pihak Bank mampu:
 - 14.3.7.1 Mewujudkan prejudis terhadap kemampuan Ahli Kad untuk melaksanakan dan/atau mematuhi obligasi di sini; atau
 - 14.3.7.2 Prejudis terhadap pembayaran balik sebarang amaun yang perlu dibayar kepada pihak Bank.
 - 14.3.8 Pihak Bank telah membatalkan Kadnya.
- 14.4 Perjanjian yang terkandung dalam terma dan syarat ini akan dianggap kekal untuk dikuatkuasakan sepenuhnya dan berkuat kuasa jika dan setakat sebarang transaksi telah selesai dilakukan tetapi tidak didebitkan ke akaun sebelum penamatan.

14.5 Penamatan perjanjian yang terkandung dalam terma dan syarat ini tidak akan menjejaskan sebarang liabiliti berhubung dengan perkara yang telah dilakukan atau lalai untuk melakukannya sebelum penamatan.

14.6 Hak dan remedi Bank terhadap Ahli Kad tidak akan terjejas berikutan penamatan.

15. PELBAGAI

15.1 UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan menurut undang-undang semasa Malaysia dan prinsip Syariah. Ahli Kad dengan ini bersetuju dan patuh terhadap bidang kuasa Mahkamah undang-undang di Malaysia. Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa penyampaian proses boleh dikuatkuasakan dengan mengesposnya kepada Ahli Kad dengan cara yang disebutkan di dalam Klausula 14.8.

15.2 PENGECUALIAN

Masa hendaklah menjadi intipati Perjanjian ini tetapi kegagalan untuk melaksanakan dan penagihan untuk melaksanakan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak akan dianggap sebagai penepian bagi pihak Bank dan mana-mana sesuatu pelaksanaan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak akan menghalang pelaksanaan selanjutnya atau pelaksanaan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang lain. Hak dan remedi yang tertera di sini adalah kumulatif dan tidak termasuk mana-mana hak atau remedi yang diberikan oleh undang-undang.

15.3 PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

Meskipun apa-apa yang terkandung di dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan pihak Bank di bawah Perjanjian ini hendaklah kekal berkuatkuasa dan melewati sebarang pembatalan, pengguguran dan penggantungan Kad oleh pihak Bank.

15.4 PENGUBAHAN PERJANJIAN

Ahli Kad bersetuju bahawa pihak Bank boleh, dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Ahli Kad, mengubah, menambah dan/atau meminda terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini. Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut, Ahli Kad hendaklah menyerah dan mengembalikan Kad yang dipotong dua kepada pihak Bank. Jika tidak, Ahli Kad hendaklah dianggap menerima perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut.

15.5 PENDEDAHAN

Ahli Kad dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan mana-mana maklumat berkaitan dengan akaun Ahli Kad, Ahli Kad dan apa jua kemudahan-kemudahan sekiranya dianggap sesuai dan atau perlu oleh pihak Bank:

15.5.1 Kepada mana-mana Saudagar, bank atau institusi kewangan, MasterCard International atau mana-mana ahli institusi MasterCard International atau mana-mana pihak yang berminat untuk memanfaatkan penggunaan Kad tersebut.

15.5.2 Kepada mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank.

15.5.3 Untuk atau berkaitan dengan mana-mana tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapat kembali wang yang perlu dibayar dan dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank.

15.6 NOTIS DAN KOMUNIKASI KEPADA PIHAK BANK

15.6.1 Ahli Kad dengan ini mengaku untuk memberitahu pihak Bank dalam bentuk bertulis dengan segera tentang sebarang perubahan butir-butir peribadi, pertukaran alamat kediaman, nombor telefon dan/atau penggajian atau perniagaan.

15.6.2 Sebarang penyata akaun, surat-menyurat atau notis kepada Ahli Kad boleh dihantar melalui tangan atau dihantar melalui kiriman prabayar ke alamat Ahli Kad yang tertera di dalam borang permohonan Kad Bank atau ke mana-mana alamat lain yang diberitahu oleh Ahli Kad kepada pihak Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah dianggap telah diterima oleh Ahli Kad dalam masa 7 hari bekerja selepas kiriman dilakukan. Sebarang kegagalan oleh pihak Ahli Kad untuk memberitahu pihak Bank tentang pertukaran alamatnya yang mengakibatkan penangguhan atau pemulangan semula mana-mana penyata bulanan, surat-menyurat dan notis tidak akan menjejaskan hak pihak Bank di bawah Perjanjian ini.

15.7 DOKUMEN LANJUTAN

Ahli Kad dengan ini mengaku untuk menandatangani dokumen-dokumen lanjutan yang diminta oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan Ahli Kad dengan ini berjanji dan bersetuju bahawasanya dokumen-dokumen lanjutan tersebut pada pilihan pihak Bank boleh dianggap berkuatkuasa secara retrospektif.

15.8 PENYAMPAIAN NOTIS

"Pihak-pihak kepada Perjanjian ini dengan ini bersetuju bahawa penyampaian sebarang notis dan/atau saman dan penyata tuntutan akibat daripada atau berkaitan dengan saman tersebut melalui pos ke alamat Ahli Kad yang terakhir yang dinyatakan dalam borang permohonan Bank atau alamat lain yang dimaklumkan kepada Bank oleh Ahli kad dari semasa ke semasa akan dianggap telah disampaikan pada masa kiriman notis dan/atau saman dan penyata tuntutan dibuat."

15.9 SIJIL KETERHUTANGAN

Sesuatu Sijil Keterhutangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perniagaan Kad bagi pihak Bank hendaklah muktamad dan dijadikan keterangan muktamad di dalam Mahkamah Undang-undang yakni ke atas jumlah semasa yang perlu dibayar dan dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank.

15.10 PENGASINGAN

Ketidaksahan atau ketidakbolehan penguatkuasaan fasal-fasal di sini tidak akan memansuhkan tujuan Perjanjian ini dan fasal-fasal yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah diasingkan dan ketidaksahan dan ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana terma-terma atau syarat-syarat. Perjanjian ini tidak akan menjejaskan kesahan terma-terma atau fasal-fasal yang lain dan hendaklah kekal berkuatkuasa.

15.11 TERMA DAN SYARAT YANG LAIN

Terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini hendaklah dianggap sebagai tambahan dan bukannya pengurangan terhadap mana-mana perjanjian spesifik atau susun atur berkaitan dengan setiap satu kemudahan di bawah kemudahan Kad semasa atau yang wujud dari semasa ke semasa di antara pihak Bank dan Ahli Kad atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang

dinyatakan di dalam mana-mana surat tawaran yang diberikan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa.

Sejajar dengan komitmen pihak Bank untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan dan faedah-faedah Ahli Kad, pihak Bank boleh menilai semula dan menyemak ciri-ciri dan faedah-faedah yang disenaraikan di dalam Perjanjian Ahli Kad ini dari semasa ke semasa.

Nota: Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau percanggahan di antara Terma dan Syarat teks Bahasa Inggeris dengan mana-mana terjemahannya, maka teks Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di: 03-5522 3000
E-mel: cardservices@affinbank.com.my

Isi kandungan © 2007 Affin Islamic Bank Berhad